

Mahathir

syor

kaji

isi

BH 10 OKT 1974
Al-Quran

KUALA LUMPUR, Rabu. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, mengesyorkan supaya diadakan acara membincangkan isi kandungan Al-Quran.

"Ini penting supaya umat Islam dapat mengerti dengan mendalam prinsip dan ajaran Islam yang terkandung dalam kitab suci itu," katanya.

Berucap merasmikan majlis membaca Quran anjuran Universiti Malaya di Dewan Tengku Canselor universiti itu malam semalam, Dr. Mahathir mengingatkan cara kasar tidak ada tempat dalam Islam.

"Sekiranya Islam hendak dikembangkan ia hendaklah dilakukan secara berlembut dan sopan," tambahnya.

Lebih 10 orang qari dan qariah yang menyertai pertandingan membaca Quran peringkat antarabangsa baru-baru ini telah memperdengarkan bacaan mereka.

Dakwah

Qari-qari dari Republik Arab Mesir yang telah menghakimkan pertandingan peringkat antarabangsa kelmarin juga memperdengarkan bacaan mereka.

Dr. Mahathir telah memuji siswa-siswa pusat pengajian tinggi kerana menghampirkan dengan ugama dan menjalankan dakwah Islam.

Bellau menegaskan, adalah penting anggota dakwah Islamiah itu memahami prinsip Islam serta cara dakwah yang terkandung dalam kitab suci itu secara meluas.

Golongan dakwah juga perlu bersedia menerima teguran-teguran dan mengkaji cara penyampaian dakwah dalam masa mereka memperjuangkan sesuatu konsep atau pendapat, jelasnya.

"Mubaligh yang sebenar dan sejati akan menerima teguran-teguran itu dan mengkaji cara penyampalannya samada benar atau sebaliknya dan samada sesuai atau tidak dengan keadaan masyarakat," ujarnya lagi.

Dr. Mahathir memberitahu kadang-kadang terdapat mereka yang mendakwah sebagai pengembang Islam, yang dengan sombongnya menolak teguran.

"Perbuatan itu menunjukkan dengan jelas ia sendiri tidak memahami tentang ajaran Islam."